

MEMO



8

Kepada : Semua Kakitangan PPAK
Semua Kakitangan PD PNM Negeri Kelantan
Daripada : Unit Teknologi Maklumat
Rujukan : PPAK.D.338(01)188 JLD.6
Tarikh : 31 Januari 2024
Perkara : Edaran Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan
Bilangan 2 Tahun 2024

Tuan / Puan,

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan terdapat pindaan dan penambahan perkara di dalam Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024 berkenaan pengoperasian Perkhidmatan Perpustakaan Awam Kelantan pada hari Sabtu.

3. Sehubungan dengan itu, disertakan Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 2 Tahun 2024 "Pengoperasian Perkhidmatan Perpustakaan Awam Kelantan Pada Hari Sabtu (Pindaan)" dan hendaklah dibaca bersama Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024.

Sekian, terima kasih.

Saya yang menjalankan amanah,


MOHD HAFIZ BIN YUSOFF



ARAHAN PENTADBIRAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN
BILANGAN 2 TAHUN 2024

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN PADA
HARI SABTU (PINDAAN)**

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan melaksana bagi menetapkan peraturan pelaksanaan pengoperasian perkhidmatan Perpustakaan Awam Kelantan dan Perpustakaan Desa Pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Kelantan berkaitan pelaksanaan operasi pada hari Sabtu.

2. LATAR BELAKANG

Berdasarkan Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024 yang bertarikh 2 Januari 2024, Pengoperasian Perkhidmatan Perpustakaan Awam Kelantan Pada Hari Sabtu.

Selepas pelaksanaan arahan tersebut, terdapat perkara yang perlu diperbaiki agar perkhidmatan perpustakaan tidak memberi kesan yang besar kepada pengguna semasa pergiliran syif bertugas kakitangan di Perpustakaan Awam Kelantan.

Dalam masa yang sama, Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan juga menerima Surat Ketua Pengarah Perpustakaan Negara Malaysia bertarikh 29 Januari 2024 berkenaan Makluman Perubahan Waktu Perkhidmatan Perpustakaan Desa (PD) Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) di Negeri Kelantan yang menyatakan waktu pembukaan perkhidmatan Perpustakaan Desa

(PD) PNM di seluruh negara adalah tertakluk kepada peraturan dan arahan Perpustakaan Awam Negeri dari semasa ke semasa.

3. PINDAAN ARAHAN

a) Pindaan perkara 3(b)(i.)(c.)(i.) dalam Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024

~~3(b)(i.)(c.)(i.) Jika berlaku hari Khamis merupakan Hari Kelepasan Am, maka cuti kakitangan akan dibawa pada hari Khamis minggu berikutnya.~~

diganti

3(b)(i.)(c.)(i.) Jika berlaku hari Khamis merupakan Hari Kelepasan Am, maka cuti kakitangan akan dibawa pada hari terakhir minggu tersebut.

4. PENAMBAHAN ARAHAN

a) Penambahan perkara 4.A. dalam Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan Bilangan 1 Tahun 2024

4.A. PEMAKAIAN

Arahan Pentadbiran ini adalah terpakai kepada perkhidmatan Perpustakaan Desa Pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Kelantan.


5. TARIKH BERKUAT KUASA

Arahan pentadbiran ini berkuat kuasa pada **03 Februari 2024 (Sabtu)**.

Sekian, Terima kasih

**“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”**

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD SHAMSUL BAHARIN BIN ISA)

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

Bertarikh : 19 Rejab 1445H
: 31 Januari 2024M



ARAHAN PENTADBIRAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN PADA
HARI SABTU**

Mengandungi segala pindaan sehingga 31 Januari 2024

1. TUJUAN

Arahan ini bertujuan melaksana bagi menetapkan peraturan pelaksanaan pengoperasian perkhidmatan Perpustakaan Awam Kelantan berkaitan pelaksanaan operasi pada hari Sabtu.

2. LATAR BELAKANG

Berdasarkan Arahan Pentadbiran Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan Bilangan 1 tahun 2022, pelaksanaan Waktu Bekerja adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan Negeri Bilangan 9 Tahun 2020, Pelaksanaan Waktu Bekerja Fleksi (WBF) Di Agensi Kerajaan Negeri Kelantan.

Namun begitu, bagi memberikan perkhidmatan yang menyeluruh kepada pengguna perpustakaan, perkhidmatan perpustakaan hendaklah diberikan selepas waktu pejabat bagi membolehkan pengguna meluangkan masa bersama keluarga di perpustakaan.

Terdapat permintaan daripada pengguna supaya perkhidmatan perpustakaan dibuka semula pada hari Sabtu.

3. PELAKSANAAN

a) Waktu Perkhidmatan

i. Perpustakaan Awam Kelantan

Ahad hingga Rabu	8.00 pagi – 5.00 petang
Khamis dan Sabtu	8.00 pagi – 3.30 petang
Jumaat dan Hari Kelepasan Am	Tutup

ii. Perpustakaan Awam Cawangan dan Perpustakaan Desa

Ahad hingga Rabu	8.00 pagi – 5.00 petang
Sabtu	8.00 pagi – 3.30 petang
Khamis, Jumaat dan Hari Kelepasan Am	Tutup

iii. Perpustakaan Komuniti (Pusat Beli Belah AEON Kota Bharu)

Ahad hingga Rabu	10.00 pagi – 6.45petang
Sabtu	10.00 pagi – 6.30 petang
Khamis, Jumaat dan Hari Kelepasan Am	Tutup

b) Hari Kelepasan Am (HKA)

Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Jumaat maka tiada cuti akan diganti bagi Hari Kelepasan Am tersebut. Seterusnya jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari cuti mingguan yang lain, maka cuti pada Hari Kelepasan Am tersebut hendaklah dibawa ke hari bekerja berikutnya.

i. Perpustakaan Awam Kelantan

- a. Minggu bekerja adalah bermula pada hari Ahad hingga Khamis. (5 hari bekerja)
- b. Hari Sabtu merupakan hari perkhidmatan tambahan. (hari ke-6)
- c. Jika kakitangan diarah bertugas pada hari Sabtu, maka minggu bekerja kakitangan tersebut adalah bermula pada hari Sabtu hingga Rabu. (cuti pada hari Khamis) (5 hari bekerja)
 - i. Jika berlaku hari Khamis merupakan Hari Kelepasan Am, maka cuti kakitangan akan dibawa pada hari terakhir minggu tersebut. [*Pindaan Arahan dalam Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Bilangan 2 Tahun 2024*]

- d. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Khamis, maka perkhidmatan perpustakaan ditutup pada hari tersebut.
- e. Waktu bekerja pada hari Sabtu adalah selama 7 jam 30 minit.
- f. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu, maka perkhidmatan perpustakaan ditutup pada hari tersebut dan Hari Kelepasan Am tersebut dibawa ke hari bekerja berikutnya Ahad. (Jika Ahad berlaku Hari Kelepasan, akan dibawa ke hari berikutnya Isnin)

ii. Perpustakaan Awam Cawangan, Perpustakaan Komuniti dan Perpustakaan Desa

- a. Minggu bekerja adalah bermula pada hari Sabtu hingga Rabu. (5 hari bekerja)
- b. Waktu bekerja pada hari Sabtu adalah selama 7 jam 30 minit (Komuniti AEON 8 Jam 30 minit)
- c. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Sabtu, maka perkhidmatan perpustakaan ditutup pada hari tersebut.
- d. Jika Hari Kelepasan Am jatuh pada hari Khamis, Hari Kelepasan Am tersebut dibawa ke hari bekerja berikutnya Sabtu. (Jika Sabtu berlaku Hari Kelepasan, akan dibawa ke hari berikutnya Ahad)

4. TARIKH BERKUAT KUASA

Arahan pentadbiran ini berkuat kuasa pada **13 Januari 2024 (Sabtu)**.

4.A. PEMAKAIAN [*Penambahan Arahan dalam Arahan Pentadbiran Perbadanan Perpustakaan Awam Bilangan 2 Tahun 2024*]

Arahan Pentadbiran ini adalah terpakai kepada perkhidmatan Perpustakaan Desa Pentadbiran Perpustakaan Negara Malaysia Negeri Kelantan.

5. PERCANGGAHAN / KEKELIRUAN

Jika berlaku percanggahan tafsiran atau kekeliruan berkenaan Hari Kelepasan Am yang berlaku pada minggu perkhidmatan tersebut, Pengurusan Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan akan membuat keputusan atas HKA tersebut.

6. PEMBUBARAN ARAHAN PENTADBIRAN INI

- a. Arahan Pentadbiran ini dengan kuasa pengarah boleh dibubarkan.
- b. Arahan ini boleh dibubarkan jika terdapat arahan pentadbiran yang lebih tinggi mengatasi arahan pentadbiran ini.
- c. Apabila Arahan Pentadbiran ini dibubarkan, perkhidmatan perpustakaan akan beroperasi mengikut waktu perkhidmatan biasa yang berkuat kuasa pada waktu tersebut.
- d. Pembubaran Arahan Pentadbiran ini hendaklah dibubarkan selepas cukup hari bekerja minggu terakhir dalam pelaksanaan Arahan Pentadbiran ini.

Sekian, Terima kasih

“ISLAM MEMIMPIN, RAJA MENAUNGI, NEGERI BERKAT”
“MEMBANGUN BERSAMA ISLAM”

Saya yang menjalankan amanah,

([Tandatangan rujuk senarai Arahan Pentadbiran yang dikandungi])

Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Kelantan

Bertarikh : 20 Jamadil Akhir 1445H
: 02 Januari 2024

ARAHAN PENTADBIRAN
PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN
BILANGAN 1 TAHUN 2024

**PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN PADA
HARI SABTU**

Senarai Arahannya Pentadbiran yang dikandungi

Arahan Pentadbiran bilangan	Tajuk arahan	Tarikh tandatangan	Tarikh berkuat kuasa
1 Tahun 2024	PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN PADA HARI SABTU	02 Januari 2024	13 Januari 2024
2 Tahun 2024	PENGOPERASIAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN AWAM KELANTAN PADA HARI SABTU (PINDAAN)	31 Januari 2024	03 Februari 2024